

INISIATIF

TERKINI HASIL UNTUK MEMUDAHKAN URUSAN CUKAI

e-TT (*Electronic Telegraphic Transfer*)

Sistem **e-TT** membolehkan pembayaran cukai secara elektronik dengan menggunakan **Nombor Virtual Account (VA)**, yang memudahkan proses bayaran melalui kaedah seperti **Telegraphic Transfer (TT)**, **Electronic Funds Transfer (EFT)** dan **Interbank Giro (IBG)**.

Format Baucar Dividen Baharu

Mulai Tahun Taksiran 2025, syarikat yang membayar atau mengagihkan dividen kepada pemegang saham perlu mengeluarkan **baucar dividen** yang menyatakan jumlah dividen yang diterima untuk tujuan **pelaporan cukai pendapatan**.

Garis Panduan CKM Bagi Saham Tidak Tersenarai

Garis Panduan CKM ini bertujuan memberikan penjelasan mengenai layanan **Cukai Keuntungan Modal** ke atas **laba atau keuntungan** daripada pelupusan **aset modal domestik**, seperti **Saham Tidak Tersenarai** dan **Saham Syarikat Relevan**.

e-CKM

e-CKM adalah medium elektronik yang digunakan untuk **pelaporan Cukai Keuntungan Modal** secara lebih mudah dan efisien.

Peluasan Syarat MyInvois e-Pos

Kelayakan penggunaan MyInvois e-POS diperluaskan kepada ambang baharu iaitu jualan atau perolehan tahunan di bawah **RM750,000**.

**PROGRAM MEMFAIL PENYATA KEUNTUNGAN OLEH
SUATU ENTITI LABUAN BAGI TAHUN TAKSIRAN 2025
DI BAWAH SISTEM TAKSIR SENDIRI**

PROGRAM MEMFAIL PENYATA KEUNTUNGAN OLEH SUATU ENTITI LABUAN BAGI TAHUN TAKSIRAN 2025 DI BAWAH SISTEM TAKSIR SENDIRI

1. Mulai Tahun Taksiran 2025, semua entiti Labuan yang menjalankan aktiviti perniagaan akan tertakluk kepada **Sistem Taksir Sendiri (STS)**, berikutan **pindaan Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Labuan (ACAPL) 1990** melalui **Akta A1741**.
2. Apa yang perlu dilakukan oleh entiti Labuan:
 - Mengemukakan penyata keuntungan secara elektronik;
 - Melaporkan pendapatan dalam penyata keuntungan berdasarkan akaun beraudit; dan
 - Mengemukakan maklumat yang betul dalam penyata keuntungan.
3. Tarikh Akhir Pengemukakan:
 - **7 bulan** selepas tarikh akhir penutupan tempoh perakaunan.
 - Bayaran cukai atau baki cukai perlu diselesaikan dalam tempoh yang sama.
4. Apa yang berlaku jika gagal mematuhi:
 - Tindakan penguatkuasaan boleh diambil (Seksyen 23A ACAPL 1990).
 - Kenaikan cukai **10%** (Seksyen 11 ACAPL 1990).
5. Untuk maklumat lanjut, muat turun Garis Panduan di:
<https://www.hasil.gov.my> > Borang > **Program Memfail Penyata Keuntungan Oleh Suatu Entiti Labuan Bagi Tahun Taksiran 2025 Di Bawah Sistem Taksir Sendiri**.



FORMAT DAN CONTOH
BAUCAR DIVIDEN BAHARU
KINI TERSEDIA DI PORTAL RASMI HASiL

KLIK SINI

FORMAT DAN CONTOH
BAUCAR DIVIDEN BAHARU

- Bermula Tahun Taksiran 2025, pembayar cukai individu yang menerima **pendapatan dividen melebihi RM100,000** setahun akan dikenakan **cukai pada kadar 2%**.
- Mengikut **Seksyen 108 Akta Cukai Pendapatan (ACP) 1967**, syarikat yang membayar, mengkredit atau mengagih dividen yang diperoleh dari Malaysia **wajib mengeluarkan perakuan** atau **baucar dividen** kepada pemegang saham individu. Baucar ini harus menyatakan **amaun kasar dividen** dan **amaun yang dibayar atau dikreditkan**.
- Sekiranya dividen dibayar dalam bentuk **harta selain wang**, nilai pasaran harta tersebut pada masa pengagihan perlu dinyatakan dalam baucar dividen.
- Untuk **Format dan Contoh Baucar Dividen**, sila rujuk di [Portal Rasmi HASiL](#) > **Borang** > **Format Baucar Dividen**.

(COMPANY NAME)
(Incorporated in Malaysia under Company No. xxxxxxxx)

WARRANT NO.

DIVIDEND NO.

TYPE OF DIVIDEND

FOR YEAR ENDED

FOR SHARES REGISTERED ON

SHAREHOLDING

DATE OF PAYMENT

CATEGORY OF DIVIDEND

DIVIDEND RATE

GROSS DIVIDEND (RM)

(Name)
(Address)

CDS A/C No.:

FOR (CO. NAME)
(Name)
(Designation)

1. We hereby certify that the exempt dividend is paid out of dividend income in respect of which Income Tax has been exempted under (please provide the relevant legal provisions for the category of exempt income from which the exempt dividend is paid).

2. We hereby certify that no tax is deductible from the single tier dividend under subsection 108(1) of the Income Tax Act 1967. The single tier dividend is not taxable in the hands of the shareholders other than an individual pursuant to paragraph 12B of Schedule 6 of Income Tax Act 1967.

Note: For an individual who receives one or more dividend vouchers, where the total gross dividend, other than dividend which is exempt in the hands of the shareholder, exceeds RM100,000.00, the individual must declare the dividend income as part of their aggregate income pursuant to paragraph 6(1)(r) of the said Act.

NOTE: (i) Where the date of payment for each category of dividend is different, separate dividend vouchers should be prepared.
(ii) Where the dividend consists of property other than money, the gross dividend shall include the amount of the market value of that property at the time of the distribution of the dividend.
(iii) The date of payment refers to the date on which the dividend is paid, distributed or credited by the company to the shareholders.
(iv) The above example is just for illustration and only the relevant category/categories of dividend paid should be shown in the actual dividend voucher.
(v) The legal provisions relevant to the category of exempt income from which the exempt dividend is paid should be stated accurately in Paragraph 1 above whenever applicable.

(Amended: 13th June 2025)

Baucar dividen baharu memudahkan pelaporan cukai dengan maklumat dividen yang diterima.

SISTEM e-TT

Menjana Nombor Akaun Maya
Sebagai Identiti Pengenalan Bayaran

PENAMBAHBAIKAN SISTEM e-TT (ELECTRONIC TELEGRAPHIC TRANSFER)



e-TT adalah sistem e-Pindahan Telegrafik yang menghasilkan **Nombor Akaun Maya (VA)** sebagai identiti pengenalan untuk memudahkan bayaran cukai secara elektronik menggunakan kaedah **Telegraphic Transfer (TT)**, **Electronic Funds Transfer (EFT)** dan **Interbank Giro (IBG)**.

Apa yang berubah selepas penambahbaikan?

1. Janaan Nombor Akaun Maya (VA)

Sebelum	:	Hanya melalui Tax Identification Number (TIN)
Selepas	:	Melalui TIN dan Nombor Bil untuk identiti yang lebih jelas

2. Penghantaran Resit

Sebelum	:	Dihantar melalui pos
Selepas	:	Dihantar melalui e-mel, menjadikannya lebih cepat dan efisien.

Untuk penerangan terperinci dan maklumat lanjut, rujuk dokumen **Soalan Lazim (FAQ)** mengenai penambahbaikan Sistem e-TT di portal **MyTax**.

CUKAI KEUNTUNGAN MODAL (CKM)

1. Garis Panduan CKM Bagi Saham Tidak Tersenarai (STT)

Dikeluarkan pada **21 Julai 2025**, **Garis Panduan CKM** ini memberi penjelasan mengenai layanan cukai ke atas **laba atau keuntungan** daripada pelupusan **aset modal domestik**, termasuk **Saham Tidak Tersenarai (STT)** dan **saham syarikat relevan (aset modal)**.

Capaian:

- Kunjungi www.hasil.gov.my > Menu Perundangan > Garis Panduan > Garis Panduan Teknikal > Garis Panduan Cukai Keuntungan Modal Bagi Saham Tidak Tersenarai, atau;
- Dapatkan panduan penuh di [link ini](#).


2. Penambahbaikan Sistem e-CKM

Kini, **sistem e-CKM** lebih efisien dengan **fungsi tambahan** untuk memudahkan **pengemukaan Borang Nyata Cukai Keuntungan Modal (BNCKM)**. Pembayar cukai kini boleh menyediakan lebih daripada satu draf BNCKM untuk pelupus yang sama tanpa perlu menghantar draf terdahulu.

Ciri baharu:

- Draf baharu dibenarkan** jika terdapat perbezaan dalam:
 - Tarikh pelupusan**
 - Maklumat saham yang dilupuskan**
 - Pemeroleh yang berbeza**

Dengan penambahbaikan ini, proses pelaporan cukai menjadi lebih fleksibel dan mudah.



Bil.	No CKM	Subseksyen 90(3) Taksiran Anggaran	Log Masuk
1	CKM 1	Nama Saham : Tarikh Pelupusan :	Bil Saham : Isi Borang
2	CKM 2	Tiada	Isi Borang
3	CKM 3	Tiada	Isi Borang

[Pendaftaran Baharu](#)

Paparan Sistem e-CKM: Sistem e-CKM memudahkan penyediaan dan penghantaran draf BNCKM secara serentak untuk pelupus yang sama.

PERKEMBANGAN E-INVOIS: LANGKAH TERBARU UNTUK MEMUDAHKAN CUKAI

Pelaksanaan e-Invois Fasa Ketiga

- **Tarikh Mula:** 1 Julai 2025
- **Sasaran:** Lebih daripada 50,000 pembayar cukai dengan pendapatan/jualan tahunan antara RM5 juta hingga RM25 juta.

MyInvois e-Pos

- Platform **Point-of-Sale (POS)** digital yang disediakan secara **percuma** oleh **HASiL** untuk **Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS)**.
- **Kelayakan:** Had pendapatan untuk penggunaan platform ini dipinda dari **RM250,000** setahun kepada **RM750,000** setahun.

Soalan Lazim Spesifik Dikemaskini

Untuk maklumat lanjut, rujuk **Soalan Lazim Spesifik** mengenai derma atau sumbangan:
[Klik sini untuk membaca.](#)



BAHARU

**SOALAN LAZIM
SPESIFIK BERKAITAN
DERMA / SUMBANGAN**

Kini tersedia di Laman Mikro e-Invois

Maklumat dan bantuan lanjut berkaitan pelaksanaan e-Invois dan Portal MyInvois:

www.hasil.gov.my/e-invois 03-8682 8000 (Talian 24 jam)

www.hasil.gov.my [@myinvoishasil](https://www.facebook.com/myinvoishasil) [@myinvoishasil](https://twitter.com/myinvoishasil) [@myinvoishasil](https://www.instagram.com/myinvoishasil) [@myinvoishasil](https://www.youtube.com/myinvoishasil)

SEMINAR DAN TAKLIMAT PERCUMA E-INVOIS

HASiL menawarkan siri **taklimat dan webinar percuma** mengenai pelaksanaan **e-Invois**. Program ini bertujuan untuk membantu semua pihak memahami dengan lebih baik keperluan dan pelaksanaan e-Invois.

- **Program Terbuka** kepada semua pihak yang terlibat.
- **Dilaksanakan secara berperingkat** bagi memastikan maklumat yang disampaikan mudah diakses dan difahami.

Maklumat lanjut mengenai siri program e-Invois boleh diperoleh melalui Laman Mikro e-Invois atau pautan [Program e-Invois](#).



Maklumat Lanjut Mengenai e-Invois

- Rujuk laman mikro e-Invois di **Portal Rasmi HASiL**: www.hasil.gov.my;
- Hubungi Meja Bantuan e-Invois HASiL di **03-8682 8000** (Talian 24 jam);
- **MyInvois Live Chat** untuk pertanyaan langsung;
- E-mel myinvois@hasil.gov.my untuk pertanyaan umum; atau
- **Borang Maklum Balas Pelanggan MyInvois**: Maklum Balas



e-PELARIAN CUKAI: LAPORKAN KESALAHAN PELARIAN CUKAI SECARA MUDAH

e-Pelarian Cukai adalah platform yang memudahkan orang awam untuk melaporkan kesalahan pelarian cukai oleh individu atau syarikat. Inisiatif ini bertujuan untuk melibatkan masyarakat dalam usaha membanteras pelarian cukai dengan cara yang lebih sistematik dan pantas, memastikan cukai dibayar dengan adil.

Kategori Pelarian Cukai

Pelarian cukai boleh berlaku dalam pelbagai bentuk, antaranya:

- **Jualan Terkurang Lapor/Tidak Lapor:**
 - Penjual yang tidak melaporkan jumlah jualan dengan betul.
- **Belian Terlebi Tuntut/Palsu:**
 - Tuntutan belian yang tidak sah atau berlebihan.
- **Perbelanjaan Palsu/Terlebi Tuntut/Persendirian:**
 - Pengisytiharan perbelanjaan yang tidak benar atau melebihi had.
- **Aset/Hartanah yang Tinggi:**
 - Pemilikan aset atau hartanah yang tidak sepadan dengan pendapatan dilaporkan.
- **Tidak Menghantar Borang Nyata Cukai Pendapatan (BNCP)/Tidak Patuh:**
 - Gagal menghantar borang cukai atau tidak mematuhi peraturan cukai.



Laporkan Pelarian Cukai

Sekiranya anda mengetahui individu atau perniagaan yang terlibat dalam pelarian cukai, anda boleh membuat laporan mudah melalui [e-Pelarian Cukai](#). [\[Klik Di Sini\]](#) untuk membuat **Aduan Baharu**.

Pilih **Kategori Pelarian Cukai** untuk maklumat lanjut tentang jenis pelarian yang boleh dilaporkan.




WASPADA TERHADAP SINDIKET PENIPUAN PERCUKAIAN!

Berikut adalah langkah-langkah mudah untuk mengelakkan menjadi mangsa penipuan:

- **Semak dengan HASiL** jika menerima sebarang mesej atau maklumat yang meragukan.
- **Jangan dedahkan maklumat perbankan**, terutamanya kata laluan perbankan internet anda.
- **Elakkan klik pautan** yang diterima melalui e-mel yang tidak dikenali.
- **Pastikan bayaran cukai** dibuat terus kepada HASiL menerusi ByrHASiL di Portal MyTax, bukan kepada akaun pihak ketiga.
- **Jangan muat turun aplikasi** yang meragukan.
- **Semak nombor telefon HASiL** di portal rasmi sebelum menghubungi atau membuat panggilan semula ke nombor yang tidak dikenali.

Jaga keselamatan maklumat anda dan pastikan transaksi cukai anda sentiasa sah!



WASPADA DENGAN SCAMMER
AWAS!!! JANGAN TERPEDAYA
DISAHKAN BAHAWA E-MEL DI BAWAH INI ADALAH PALSU!

Berhati-hati apabila menerima surat / e-mel / panggilan telefon / whatsapp / telegram yang bertindak seolah-olah daripada Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (HASiL)

HASiL **LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA**
www.hasil.gov.my | 03-8911 1000 | [HASiLMalaysia](https://www.facebook.com/HASiLMalaysia) | [@HASiL_Malaysia](https://www.instagram.com/HASiL_Malaysia) | [@hasil_malaysia](https://www.tiktok.com/@hasil_malaysia)



PENGOPERASIAN KAUNTER PERKHIDMATAN HASiL CAWANGAN PEMBAYAR CUKAI ASING (CPCA)



- **Mulai 2 Mei 2025**
- **Fungsi Utama CPCA:**
 1. Mengendalikan fail percukaian pembayar cukai warga asing
 2. Mengurus fail percukaian individu tidak bermastautin
 3. Menyelia urusan cukai pegangan
- **Lokasi:**

Tingkat 9, Blok 10,
Kompleks Bangunan Kerajaan,
Jalan Tuanku Abdul Halim,
50600 Kuala Lumpur.

Perkara	Waktu Operasi
Kaunter Khidmat Rundingan	Isnin - Jumaat 8:30 pagi - 4:30 petang
e-Janji Temu HASiL	Isnin - Jumaat 8:30 pagi - 4:30 petang (tertakluk kepada kekosongan slot) Pautan: https://ejanjitemu.hasil.gov.my/